

# Segerakan pindaan Akta Kawalan Alam Sekitar – PM

Pindaan akta itu akan menjadi garis panduan yang komprehensif bagi memulihara alam sekitar

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

**KUALA LUMPUR 6 Jun** – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan supaya pindaan Akta Kawalan Alam Sekitar 1974 disegerakan bagi membendung gejala pencemaran alam sekitar.

Perdana Menteri berkata, pindaan akta itu akan menjadi garis panduan yang komprehensif bagi memulihara alam sekitar.

“Pejabat Peguam Negara sedang meneliti akta berkenaan bagi tujuan pindaan dan saya mahu ia dipercepatkan,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Abdullah berkata demikian sebagai mengulas lawatannya ke Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli di Putrajaya dekat sini sebelum melancarkan Gabem.

Katanya, garis panduan itu penting supaya masalah pencemaran sungai, pantai serta kejadian tanah runtuh tidak lagi berlaku.

“Selain itu, tindakan akan dapat diambil segera apabila berlaku sebarang kejadian melibatkan pencemaran alam sekitar.

Abdullah berkata, dengan pindaan itu, setiap projek kurang daripada 50 hektar kini memerlukan Kajian Keselamatan Alam Sekitar (EIA).

Menurutnya, garis panduan itu juga akan memastikan pembinaan kilang dan projek perumahan tidak dibina berdekatan dengan tebing sungai.

“Sungai harus dipulihara kerana ia milik semua orang. Projek perumahan di kawasan tanah tinggi juga akan mengikut peraturan yang akan ditetapkan dalam pindaan akta itu, bagi mengelak sebarang kejadian tanah runtuh,” katanya.

Abdullah juga mengarahkan Kementerian berkenaan supaya mengambil tindakan segera terhadap sebarang teguran daripada orang ramai.

“Sebagai agensi pusat, kementerian berkenaan perlu mempercepatkan kajian EIA bagi sesuatu projek supaya tidak berlaku sebarang kesulitan,” ujarnya.

Mengenai lawatannya ke kementerian berkenaan, beliau berkata, ia bagi mendapatkan penerangan daripada pegawai-pegawai kementerian berikutan banyak berlaku kes melibatkan alam sekitar sejak kebelakangan ini.



**ABDULLAH** Ahmad Badawi memukul gong sebagai tanda Pelancaran Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) di Kuala Lumpur, semalam. Turut memerhati (dari kiri) Rahim Thamby Chik, Setiausaha Agung UMNO, Mohd. Radzi Sheikh Ahmad dan Naib Presiden UMNO, Mohd. Ali Rustam.